

09/02/2001

2.24 hektar untuk SJKC Damansara

PETALING JAYA, Khamis - Kerajaan Selangor memperuntukkan tanah seluas 2.24 hektar atau 5.6 ekar untuk pembinaan premis baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara di Taman Tropicana, di sini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, keluasan tanah itu yang pada asalnya ialah 2.12 hektar kini bertambah kepada 2.24 hektar selepas mengambil kira tanah untuk pembinaan sebuah tadika di tapak berkenaan.

"Keluasan tanah itu kini ialah 2.24 hektar selepas ditambah dengan 0.12 hektar untuk pembinaan tadika. Pembinaannya akan dimulakan dalam masa dua atau tiga hari lagi.

"Sebelum ini, DAP memberitahu bahawa keluasan tanah di Taman Tropicana itu hanya 0.24 hektar. Ini semua adalah pembohongan. Saya berharap mereka dapat membuat penjelasan sebenar dan meminta maaf," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan MCA Selangor di Hotel Singgahsana, di sini hari ini.

Beliau berkata, sekolah baru itu akan mempunyai 36 bilik darjah dan berupaya menempatkan lebih 3,000 murid.

Sehubungan itu juga, katanya, satu rombongan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim akan memberi penjelasan berhubung keadaan sebenar isu SJKC Damansara di semua bahagian Selangor mulai 13 Februari ini.

"Rombongan itu diadakan untuk menjelaskan isu sebenar SJKC Damansara kerana ramai lagi yang masih keliru disebabkan tindakan DAP memutar belitkan fakta," katanya.

Sementara itu, Dr Ling berkata, persiapan menjelang pilihan raya perlu dibuat mulai sekarang bagi menarik lebih ramai pengundi untuk bekerjasama dan menyokong MCA.

Sehubungan itu, satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Naib Presiden, Datuk Chan Kong Choy akan ditubuhkan untuk memperluaskan penggunaan Internet di kalangan ahli MCA.

Ditanya mengenai pemindahan stesen Kereta api Tanah Melayu dari Tanjong Pagar ke Keranji, Singapura, Dr Ling berkata beliau gembira kerana kedua-dua pihak mencapai persetujuan mengenainya.

Mengenai rombakan Kabinet yang membabitkan MCA, beliau berkata ia adalah keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)